

# Mydin buka 14 pasar raya baru

Beri peluang pemasaran kepada pengusaha kecil dan sederhana, kukuhkan urus niaga runcit

Foto: AZMI ARYANTO

## SALWANI MD ZAIN

MYDIN Mohamed Holdings Bhd, pengendali pasar raya Mydin, bakal membuka 14 cawangan baru seluruh negara dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Pengarah Urusannya, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, 14 tapak itu akan membantu memberi lebih peluang pemasaran kepada pengusaha kecil dan sederhana (PKS) selain terus mengukuhkan urus niaga peruncitannya dalam negara.

Menurutnya, secara keseluruhan kos pembelian untuk 14 tapak itu berjumlah RM165 juta dan bakal menggunakan perbelanjaan pembangunan yang mencecah RM1.6 bilion.

"Lokasi yang menjadi pilihan pada kali ini adalah masing-masing satu cawangan di Kuala Terengganu, Kuantan, Bukit

Mertajam, Seremban, Saujana Putra, Sungai Petani, Kuching, tiga di Johor Bharu, dan satu lagi cawangan tambahan di Kota Baharu di samping sedang meninjau satu lagi tapak di Kota Kinabalu," katanya selepas melancarkan program komuniti My Kasih tajaan Kumpulan AmBank di Mydin USJ Subang Jaya, semalam.

Beliau berkata, selain perancangan untuk membuka pasar raya besar, syarikat juga akan membuka 20 cawangan Mydin Mart sebelum akhir tahun ini.

"Dianggarkan RM1.5 juta akan digunakan untuk menubuhkan satu cawangan Mydin Mart dan syarikat menyasarkan untuk membuka lebih kurang 50 cawangan dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang," katanya.

Mydin, yang ditubuhkan sejak

1957, setakat ini mempunyai 56 cawangan seluruh negara dan mencatatkan perolehan jualan tahunan yang mencecah RM1.5 bilion setahun.

"Jualan secara keseluruhan pada tahun lalu berjaya dicatatkan melebihi RM1.35 bilion dan tahun ini kami menjangkakan peningkatan sekurang-kurangnya 10 peratus," katanya.

Ameer berkata, bagi membantu meluaskan pasaran PKS, Mydin akan berperanan menjadi medium utama sebagai tempat mempromosi barangan tersebut.

Katanya, kira-kira 15 peratus daripada 150 barangan yang di pasarkan di Mydin terdiri daripada barangan PKS.

"Mydin begitu menggalakkan golongan PKS tampil untuk pasarkan produk mereka asalkan ianya mempunyai pembungkusan yang menarik, mempunyai logo



● Ameer (tengah) di apit Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim (kiri) dan Pengasas/ Pengerusi Yayasan MyKasih, Ngau Boon Keat, semasa menyempurnakan majlis pelancaran program itu di Subang Jaya, semalam.

dan sijil halal serta berusaha menghasilkan produk yang berbeza seperti anyaman,

sulaman telekung, baju kurung, tudung yang lebih kreatif dan berinovasi tinggi," kata Ameer.